

Kolej komuniti rangkul anugerah keusahawanan

JUGRA - Kolej Komuniti Kuala Langat (KKKL) berjaya menewaskan dua finalis kolej komuniti lain apabila dinobatkan sebagai The Most Entrepreneurial Community College 2016 menerusi Ministry of Higher Education Entrepreneurial Award (MEA) 26 Januari lalu.

Kemenangan itu melayakkan kolej itu membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM125,000 selain trofi, sijil dan plakyang disampaikan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh.

Anugerah yang dianjurkan Kementerian Pendidikan Tinggi itu bertujuan memberi pengiktirafan kepada institusi pengajian tinggi yang komited dan paling cemerlang dalam aktiviti berkaitan keusahawanan.

Pengarah Kolej Komuniti Kuala Langat, Gazari Osman berkata, beliau mengukui kolej komuniti itu aktif dalam aktiviti berkaitan peningkatan kemahiran, penyelidikan, ino-

vasi, khidmat komuniti dan keusahawanan yang dianjurkan kolej sendiri mahupun pihak lain.

"Selain itu, kolej ini juga sediakan kemudahan dan platform kepada pelajar dan kakitangan jalankan aktiviti keusahawanan seperti E-Tech Centre, Kedai Koperasi, Biz Kiosk, Port Printing yang mana mendapat sokongan pihak pengurusan dan diselarasakan di bawah pengurusan Seksyen Keusahawanan," katanya.

Menurutnya, dengan menyahut kempen #YouCanDont daripada Kementerian Komunikasi dan Multimedia, kolej itu juga merupakan Pusat latihan Teknik dan Vokasional (TVEI) bagi program e-Rezeki dan e-Ushawan yang mana masyarakat diberi pendedahan mengenai ilmu dan kaedah keusahawanan digital dan seterusnya meningkatkan pendapatan komuniti setempat.



Gazari (tjma, kiri) mewakili Kolej Komuniti Kuala Langat menerima anugerah The Most Entrepreneurial Community College 2016 menerusi MEA dengan menewaskan dua finalis komuniti yang lain.

GiatMara sedia luas jaringan kerjasama



Armand (tiga, kanan) ketika melawat Pusat GiatMara Banting, semalam.

TELOK DATOK - GiatMara bersedia meningkatkan kerjasama dengan lebih banyak syarikat terutamanya industri minyak dan gas bagi membantu memantapkan sistem latihan di pusat latihannya di seluruh negara.

Timbalan Pengerusi GiatMara Malaysia, Datuk Kolonel (K) Armand Azha Abu Hanifah berkata, perlu ada penambahan di semua pusat latihan bagi memastikan pelatih GiatMara dapat bersaing di peringkat yang lebih tinggi.

"Bagi saya perkara pertama perlu kita buat adalah latihan memantapkan kemahiran dan penambahbai-

kan peralatan yang ada agar kita mampu berdaya saing.

"Tahun lepas kita pernah menang 12 anugerah kemahiran industri dunia iaitu Anugerah Tangan Emas dan tahun sebelum itu enam anugerah sama diterima di Brazil.

"Anugerah ini membuktikan pelatih kita punya kelayakan kemahiran yang tinggi untuk jadi sebahagian warga pemain industri yang termama seperti Petronas dan Shell," katanya selepas Majlis Taklimat Bersama Industri di Pusat GiatMara Banting.

Hadir sama, Ketua Pemuda Umno Bahagian

Kuala Langat, Mohd Jefri Jaafar.

Armand berkata, bagi membolehkan pemain industri menerima pelatih GiatMara terutama dalam bidang kimpalan pihaknya berharap kualiti peralatan pembelajaran untuk pelatih ditambah baik.

"Kita sedar industri minyak dan gas perlukan puluhan ribu tenaga kerja yang berkelayakan. Justeru kita juga perlu sediakan pekerja yang mempunyai kemahiran memenuhi piawaian industri.

"Atas dasar itu kita akan pastikan peralatan untuk latihan mereka memenuhi kehendak industri," katanya.

'Mungkin saya kena sorok'

Remaja cerita pengalaman sesat hampir tiga jam ketika dari Bukit Jugra bersama empat rakan

KUALA LANGAT - Seorang kakitangan sebuah pasar raya di Pekan Banting berdepan detik mencemaskan apabila sesat hampir tiga jam ketika mendaki Bukit Jugra, Banting pagi kelmarin.

Bagaimanapun, mangsa, Muhammad Faez Sazali, 20, berjaya ditemui dalam keadaan selamat oleh anggota penyelamat termasuk bomba, Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan polis.

Muhammad Faez berkata, dia bersama empat lagi rakannya mendaki Bukit Jugra pagi kelmarin untuk melakukan aktiviti riadah.

Menurutnya, dia yang baru pertama kali mendaki bukit itu pada awalnya mendaki bersama rakan-rakannya dan selepas tiba di puncak, sebahagian rakan-rakannya memberitahu untuk turun semula.

"Masa tu saya fikir mereka berada tak jauh dengan

saya dan saya pun cuba ikut tapi tak sempat nak kejar mereka.


"Nasib baik saya bawa telefon bimbit dan terus telefon polis bagi tahu saya sesat hampir tiga jam kat kawasan itu," katanya kepada Sinar Harian.

Ujarnya lagi, semasa mencari jalan keluar dia terdapat nelayan berada di sungai berhampiran.

"Tapi saya pelik sebab penat saya jerit panggil mereka, tapi mereka tak menyahut langsung.

"Tapi anggota bomba yang buat operasi menyelamat maklumkan sebenarnya nelayan perasan saya panggil mereka, cuma saya saja tak nampak mereka respons. Mungkin saya kena sorok...hanya ALLAH yang tahu," katanya.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Banting, Mohd Jasliad Jalil



Anggota bomba ketika melakukan operasi mencari mangsa sejurus menerima makluman.

ketika dihubungi berkata, seramai tujuh anggota bergegas ke lokasi kejadian sebaik menerima panggilan kira-kira jam 11.21 pagi kelmarin. "Anggota terus melakukan pencarian di sekitar

kawasan bukit termasuk bantuan beberapa agensi berkaitan.

"Akses untuk ke lokasi mangsa pula hanya boleh dilalui melalui sungai dan selepas persiapan menuju ke lo-



Muhammad Faez ketika menceritakan pengalamannya yang sesat di Bukit Jugra, kelmarin.

kasi mangsa dijalankan, kita terima makluman nelayan tempatan...mereka yang beritahu di mana lokasi mangsa sebenarnya," katanya.

Mohd Jasliad berkata, selepas pemeriksaan dilaku-

kan, pihaknya mendapati mangsa tidak mengalami sebarang kecederaan.

Katanya, mangsa kemudian dibawa ke Jeli Kelanang dan diserahkan kepada polis untuk tindakan selanjutnya.